

<b>Headline</b>	<b>Mahasiswa UPM Juara Pidato Rakan Muda IPT 2008</b>		
<b>Date</b>	<b>07. Jun 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Page No</b>	<b>14</b>
<b>Section</b>	<b>Yo!</b>	<b>Article Size</b>	<b>399 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



# Mahasiswa UPM juara Pidato Rakan Muda IPT 2008

aktiviti

**MAHASISWA** Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd. Syamsul Salleh muncul juara Pertandingan Pidato Rakan Muda Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) 2008, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor baru-baru ini.

Penuntut IPT itu ternyata cukup bertengara dengan pelbagai hujah bernes semasa menyampaikan pidato yang bertajuk Pembangunan Belia Dari Perspektif Pembangunan Aset.

Naiju juara pula milii mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Mohd. Sharifudin Nazri.

Pemidato yang hebat ini juga tampil dengan pelbagai fakta bernes melalui tajuk Gejala Sosial Di Kalangan Belia Satu Paparan Ketandusan Nilai Patriotisme.

Tempat ketiga pula milii mahasiswa UTM Skudai, Johor, Siti Noor Hidayah Mustapha yang tampil dengan tajuk Belia dan Informasi Teknologi Maklumat (ICT) Pemacu Kemajuan Negara.

Juara pertandingan itu meraih piawaipusingan, piawaiberiringan dan wang tunai RM1,500 manakala tempat kedua RM1,000 dan ketiga RM750.

Hadiyah kepada para pemenang disampaikan oleh Penolong Rektor UIAM,

Hamidon Abdul Hamid.

Dalam pertandingan akhir itu, tiga lagi peserta yang bertarung ialah Nor Shahida Ismail dari Kolej Islam Antarabangsa (IIC), Putri Mahirah Munatul Maknun Ahmad Mizanudin dari UTM dan Mohd. Khaizir Farhan Abidin dari Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Sebelum ke peringkat akhir, pertandingan pusingan awal melibatkan 15 penuntut dari lapan buah IPT awam dan IPT swasta.

## Objektif pidato

- Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman golongan Rakan Muda tentang dasar-dasar penting negara bagi memupuk semangat patriotik yang menjadi kunci kestabilan negara.
- Memupuk budaya membaca, merujuk dan menggunakan maklumat di kalangan Rakan Muda di dalam kehidupan sehari-hari bagi melahirkan nilai-nilai penerokaan ilmu yang berparadigma, intelek, liberal dan terkinin.
- Menggalakkan budaya ilmu yang jitu, berwibawa dan sihat berlandaskan faktafakta yang boleh diguna pakai, sahih, tepat dan jelas selaras dengan ledakan globalisasi dan maklumat tanpa sempadan.



MOHD. Syamsul Salleh (tengah), Mohd. Sharifudin Nazri (kiri) dan Siti Noor Hidayah Mustapha bersama hadiah yang dimenangi mereka pada Pertandingan Pidato Rakan Muda Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) 2008, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor baru-baru ini.

- Melahirkan lebih ramai pemimpin pelapis yang mahir berucap, berilmu dan berfikiran kritis.
- Sebagai pengisian sebahagian daripada aktiviti sempena sambutan Hari Belia negara 2008.